

Pasangan warga tua muak berdepan masalah banjir kilat

MELAKA TENGAH: Sepasang warga tua di Kampung Telok, Bukit Beruang, di sini, dibelenggu kebimbangan berikutan kawasan rumah mereka sering dilanda banjir kilat akibat sistem perparitan tidak sempurna.

Che Mat Awang, 75, yang tinggal bersama isterinya, Zaiton Baba, 75, mendakwa masalah dialami itu bukan berlaku sekali dua, malah sudah lebih 10 kali dengan paras air paling tinggi pernah melebihi paras lutut.

Beliau mendakwa, parit tanah bersebelahan rumahnya sudah tidak mampu menampung jumlah air yang mengalir daripada pelbagai kawasan pembangunan baru di sekitar Bukit Beruang.

“Parit tanah sepanjang kira-kira 700 meter ini sudah menjangkau usia 52 tahun sejak saya mula menduduki rumah ini pada 1960, tetapi tidak pernah diperbaharui dengan binaan konkrit, sehingga tidak mampu lagi menampung jumlah air dari pelbagai arah.

“Sudah lebih sepuluh kali rumah saya dimasuki air apabila hujan lebat melebihi setengah jam. Banjir kilat ini berlaku sejak 25 tahun lalu selepas pertambahan jumlah pembangunan perumahan di kawasan sekitar,” katanya.

Che Mat berkata, limpahan air dari pelbagai kawasan akan terkumpul di parit tanah ini termasuk aliran dari Kampung Telok, Kampung Air Buak, Kampung Baru Bukit Beruang, Kam-

pung Bukit Beruang, Rumah Awam Bukit Beruang, Taman Bukit Baru Bukit Beruang dan kawasan Istana Melaka.

Beliau berkata, isu itu sudah beberapa kali diajukan kepada Jawatan Kuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Majlis Perbandaran Melaka Bersejarah (MBMB), namun sehingga kini tiada sebarang tindakan berkesan diambil.

Katanya, tebing parit berkenaan juga kini sudah mengalami hakisan teruk akibat aliran arus deras setiap kali hujan lebat.

“Sebelum ini, pihak berkenaan hanya mendalamkan parit dan melonggokkan tanahnya di tebing. Apabila hujan, tanah itu kembali menimbus parit dan saya sendiri terpaksa mengalihkan longgokan tanah itu ke tempat lain.

“Walaupun parit tanah ini bersambung dengan parit binaan konkrit bersebelahan pusat beli-belah Jusco Ayer Keroh menghala ke Sungai Bukit Katil, namun ia masih gagal menampung jumlah air yang banyak



CHE MAT melihat kesan hakisan pada tebing parit bersebelahan rumahnya dan seringkali menyebabkan banjir kilat di Kampung Telok, Bukit Beruang, Melaka.

daripada kawasan lain.

Sementara itu, menantu Che Mat, Zakaria Kadir, 50, berkata beliau memohon pihak bertanggungjawab bertindak proaktif bagi menangani masalah yang sudah berlanjutan sejak 25 tahun lalu.

Katanya, masalah banjir kilat itu bagaikan tiada penghujungnya dan mentuanya mengalami kerugian akibat kerosakan barangan yang ditenggelami air, selain sudah uzur dan tidak mampu melakukan kerja berat.

“Ayah mentua saya juga terpaksa beberapa kali membina tembok batu di setiap pintu bagi mengelak air masuk ke dalam rumah apabila hujan lebat, namun air tetap masuk melalui celahan rekahan batu pada dinding rumah.

“Kami memohon kerajaan negeri dapat menyalurkan peruntukan membina parit konkrit lebih besar bagi membolehkan ia menampung jumlah air yang datang dari pelbagai arah, sekali gus menyelesaikan masalah banjir kilat ini,” katanya.



Parit tanah sepanjang kira-kira 700 meter ini sudah menjangkau usia 52 tahun sejak saya mula menduduki rumah ini pada 1960, tetapi tidak pernah diperbaharui dengan binaan konkrit, sehingga tidak mampu lagi menampung jumlah air dari pelbagai arah



Che Mat Awang
Mangsa banjir